



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN AWALAN INDEKS HARGA KESIHATAN MALAYSIA, 2025

Inflasi Kesihatan meningkat 3.0 peratus pada tahun 2025

PUTRAJAYA, 7 Julai, 2026 – Berdasarkan Laporan Awalan Indeks Harga Kesihatan (IHK) Malaysia, 2025, **inflasi kesihatan merekodkan peningkatan 3.0 peratus berbanding 1.4 peratus pada tahun 2024**. Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **LAPORAN AWALAN INDEKS HARGA KESIHATAN MALAYSIA, 2025**.

Peningkatan ini disumbangkan oleh kategori Perkhidmatan Kesihatan yang mencatatkan kenaikan 4.4 peratus (2025) berbanding tahun sebelumnya (2024: 0.9%). Ini berikutan kenaikan kelas perbelanjaan Insurans sebanyak 9.0 peratus berbanding tahun sebelumnya (2024: 0.0%). Kategori Ubat mencatatkan peningkatan 2.7 peratus (2024: 2.2%), diikuti oleh kategori Peralatan Kesihatan yang meningkat 1.2 peratus pada tahun 2025 (2024: 0.6%). Kategori Ubat merupakan komponen terbesar dalam perbelanjaan kesihatan oleh isi rumah di Malaysia dengan sumbangan 38.9 peratus daripada wajaran IHK.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa pembangunan IHK Malaysia merangkumi gabungan komponen kesihatan daripada beberapa kumpulan Indeks Harga Pengguna (IHP). Manakala inflasi kesihatan bagi negara selain Malaysia merujuk kepada inflasi kumpulan Kesihatan yang diterbitkan daripada IHP. Pada tahun 2025, kadar inflasi kesihatan bagi negara-negara terpilih berada pada kadar negatif 0.8 peratus hingga 5.3 peratus. Viet Nam (5.3%) mencatatkan kadar inflasi lebih tinggi daripada Malaysia (3.0%) pada tahun 2025, manakala Thailand mencatatkan inflasi terendah pada negatif 0.8 peratus.

DOSM terus memperkukuh penyampaian statistik rasmi negara melalui pembangunan produk baharu dan menjadi indikator pelengkap kepada pengukuran inflasi berkaitan kesihatan. IHK menjadi sumber rujukan penting bagi mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan kesihatan dalam konteks perbelanjaan isi rumah. Indikator ini dibangunkan dengan mengambil kira aspek rawatan dan pencegahan kesihatan yang merangkumi tiga kategori iaitu Ubat, Peralatan Kesihatan dan Perkhidmatan Kesihatan. Penyusunan indeks ini dibangunkan melalui pendekatan gabungan data primer dan sekunder.

IHK dibangunkan bagi menggambarkan sektor kesihatan secara lebih inklusif, menyeluruh dan berasaskan bukti. Statistik yang dihasilkan dapat membantu kerajaan, pemegang taruh dan masyarakat mengenal pasti trend perubahan kos kesihatan, seterusnya menyokong proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang lebih berkesan berkaitan inflasi kesihatan. IHK turut melengkapkan usaha kerajaan dalam meningkatkan kecekapan penyampaian sektor kesihatan melalui penyediaan statistik yang lebih komprehensif dan relevan dengan keperluan semasa.

Pembangunan IHK merupakan iltizam DOSM dan pelbagai agensi berkaitan kesihatan di sektor awam dan swasta untuk memperkasa ketersediaan statistik sektor kesihatan yang berkembang pesat. Statistik IHK yang diterbitkan merupakan laporan awalan dan tertakluk kepada semakan semula berdasarkan data terkini dan indikator sektor kesihatan yang lebih komprehensif.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

MyPrice Dashboard ialah platform yang dibangunkan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang memaparkan harga barangan keperluan terpilih secara harian di seluruh Malaysia. Inisiatif ini adalah bertepatan selari dengan kenaikan harga barang keperluan dan memerlukan tindakan intervensi daripada kerajaan dan pelbagai pihak. Dashboard ini boleh dicapai melalui pautan <https://www.dosm.gov.my/portal-main/article/dashboardmyprice>.

MyHIES ialah dashboard interaktif yang memaparkan maklumat mengenai taburan pendapatan, corak perbelanjaan, tahap kemiskinan dan ketidaksamarataan pendapatan di Malaysia. Data disediakan dalam bentuk siri masa pada peringkat nasional, negeri, daerah pentadbiran dan lokaliti, beserta indikator sosioekonomi terpilih. Sila layari <https://www.dosm.gov.my/portal-main/article/dbhies> untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 JULAI 2026

Jadual 1: Indeks Harga Kesihatan (2022=100) dan Inflasi Kesihatan Tahunan mengikut Kategori, Malaysia, 2022 - 2025

Kategori	Wajaran	Indeks				Perubahan Peratus (%)		
		2022	2023	2024	2025	2023	2024	2025
KESIHATAN	100.0	100.0	101.8	103.2	106.2	1.8	1.4	3.0
Ubat	38.9	100.0	102.9	105.2	108.1	3.0	2.2	2.7
Peralatan Kesihatan	24.4	100.0	100.7	101.3	102.4	0.7	0.6	1.2
Perkhidmatan Kesihatan	36.7	100.0	101.2	102.1	106.6	1.2	0.9	4.4